

Muzium Labuan ambil peranan budayakan warisan sejarah dan tradisi

UB P4-2018 B3

Oleh HENRY BATING

MASYARAKAT hari ini berhadapan cabaran membudayakan semula warisan sejarah dan budaya yang sebelum ini telah menjadi jati diri dan kebanggaan bangsa.

Pengarah Jabatan Muzium Labuan, Salmiahwati Djafar berkata melihat kepada cabaran itu, pihaknya berusaha mengangkat sejarah dan budaya masyarakat dengan menganjurkan pelbagai program keilmuan demi mengupas kekayaan budaya agar dapat didokumentasikan untuk manfaat generasi akan datang.

“Kita berharap pembangunan dan pemodenan negara hari ini berkembang seiring pengekalan adat dan budaya bangsa melalui usaha Muzium memperkembangkan serta mengekalkan keunikan khazanah dan warisan turun-temurun,” katanya.

Salmiahwati berkata demikian dalam Bicara @ Muzium di Dewan Mutiara, Kolej Matrikulasi Labuan (KML) pada Sabtu (7/4/18).

Program yang dirasmikan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Perbadanan Labuan, Mohd. Zamri Mohd Esa itu telah mengupas dua topik yang disampaikan dua pensyarah kanan dari Fakulti Kempenusiaan



SALMIAHWATI

Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kota Kinabalu.

Topik pertama bertajuk ‘Sejarah kedatangan dan perluasan kuasa masyarakat Brunei di kepulauan Borneo’ disampaikan Baszzy Bee Basrah Bee. Manakala topik kedua ‘Budaya, adat resam dan cara hidup masyarakat Brunei di Borneo’ disampaikan oleh Saat Haji Awang Damit.

Program Bicara @ Muzium 2018 merupakan satu kesinambungan dari inisiatif untuk memelihara dan mendokumentasikan warisan sejarah serta kebudayaan di Wilayah Persekutuan Labuan di samping menonjol peranan serta fungsi muzium kepada masyarakat sebagai pusat pendidikan tidak formal.

Sejak mulai dilaksanakan 2001, program itu berjaya menampilkan beberapa tokoh untuk mengupas



SEBAHAGIAN hadirin program Bicara @ Muzium Labuan.

berkaitan masyarakat dan budaya di Labuan.

Pada 28 Februari 2001, program itu mengadakan wacana ‘Sejenak Bersama Tokoh’ yang telah menampilkan Tan Sri Harris Mohd. Salleh, mantan Ketua Menteri Sabah.

‘Diskusi Sejarah Labuan’ dilanjutkan 25 Ogos 2005 yang diikuti pengetengahan Willie Teo dan Haji Othman Mahali dalam ‘Bicara Tokoh 2015’. Menyusul 28 September 2016, ‘Bicara Sarjana’ mengambil tempat dengan menampilkan Prof. Danny Wong Tze Ken, sejarawan asal Sabah

